

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN . 36**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan Kerajaan bagi membina rumah kos rendah untuk masyarakat Orang Asli, Sungai Siput.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited untuk memastikan kemudahan asas terutama keperluan rumah Orang Asli diberi perhatian sewajarnya. Berdasarkan rekod, sehingga kini sebanyak **99 unit rumah** telah dibina perkampungan Orang Asli Sungai Siput sejak tahun 2013 hingga 2018 untuk memberi keselesaan kepada penduduk Orang Asli Sungai Siput di pelbagai lokasi kampung.

Untuk makluman, peruntukan bagi pembinaan rumah kepada masyarakat Orang Asli diterima melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar meliputi pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah sedia ada di seluruh perkampungan Orang Asli di seluruh negara. Berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan, JAKOA perlu meneliti keperluan rumah mengikut keutamaan agar pembangunan seimbang dapat dilaksanakan dan bukan hanya tertumpu di sesuatu kawasan termasuk di kawasan Sungai Siput. ekian. Terima kasih.